

13 SEP 1996

Mahathir-Zimbabwe

PM BERLEPAS KE ZIMBABWE, PORTUGAL DAN AMERIKA

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas ke Harare, ibu negara Zimbabwe, persinggahan pertamanya dalam lawatan 17 hari ke luar negara yang akan turut membawanya ke Portugal dan Bangsa-bangsa Bersatu.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir bersama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Wan Azizah Ismail.

Hadir sama ialah beberapa menteri kabinet dan timbalan menteri.

Dr Mahathir yang akan berada di Zimbabwe sehingga 17 Sept untuk menghadiri Sidang Kemuncak Solar Dunia yang bermula esok, dijadual menyampaikan ucapan dasar pada sidang itu yang bertujuan mencari jalan meningkatkan penggunaan sumber tenaga yang boleh dibaharui.

Beliau juga dijadualkan berucap pada mesyuarat pertama Suruhanjaya Solar Sedunia. Presiden Zimbabwe Robert Mugabe akan merasmikan sidang kemuncak dua hari itu pada Isnin.

Walaupun dinamakan Sidang Kemuncak Solar Dunia, mesyuarat itu dijangka turut membincangkan sumber tenaga lain yang boleh dibaharui seperti kuasa angin, tenaga haba dan hidroelektrik.

Dari Zimbabwe, Dr Mahathir akan ke Lisbon untuk memulakan lawatan tiga hari ke Portugal bermula 20 Sept.

Perdana Menteri yang mempunyai jadual ketat di Portugal, dijangka mengunjungi Presiden Portugal Mario Soares selain mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Antonio Guterres.

Dengan Malaysia berhasrat untuk menyertai peta Formula 1 (F1) dunia melalui cadangan pengwujudan sirkit perlumbaan F1nya sendiri di pusat pentadbiran baru Putrajaya, Dr Mahathir dijadual melawat trek perlumbaan F1 Portugal di Estoril.

Selepas melawat Portugal, Dr Mahathir akan menyeberangi Atlantik untuk ke Boston, Amerika di mana beliau dijangka melawat Institut Teknologi Massachusetts untuk melihat lebih dekat aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di sana.

Perdana Menteri kemudian akan ke New York dan dijadualkan berucap pada sesi baru Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 27 Sept.

Ucapan Dr Mahathir menandakan kejayaan penting oleh Malaysia kerana beliau akan berbuat demikian ucapan ketika Wakil Tetap Malaysia ke badan dunia itu, Tan Sri Razali Ismail mengambil alih jawatan Presiden Perhimpunan Agung pada 17 Sept.

Dr Mahathir juga akan mengadakan beberapa rundingan dua hala dengan Ketua-ketua Kerajaan lain yang hadir bagi sesi Perhimpunan Agung itu.

Aturcaranya yang lain di New York termasuk merasmian Ekspo Kebudayaan dan Kesenian Malaysia serta berucap pada Asia Society.

Dr Mahathir akan singgah di London pada 27 Sept dalam perjalanan pulang. -- BERNAMA

MAM AFY RON